

# Caruman jadi sandaran pinjaman tak jejas dividen

## Hasil rujukan dapati tiada percanggahan babit Seksyen 51 Akta KWSP 1991

Oleh Suzalina Halid;  
Latifah Ariffin dan  
Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang digunakan sebagai sandaran pinjaman kepada bank, tidak menjejaskan jumlah dividen.

Perdana Menteri berkata, cadangan membolehkan pencarum membuat pinjaman menggunakan caruman sebagai sandaran kepada bank itu juga sudah dirujuk kepada Peguam Negara.

Katanya, hasil rujukan itu mendapati tiada percanggahan membabitkan Seksyen 51 Akta KWSP 1991.

“Pemberian dividen terhadap peminjam kaedah itu akan diteruskan, sekali gus menjadikan risiko dalam aspek terbabit sangat minimum.

“Dari sudut jaminan kepentin-

gan peminjam, dividen diteruskan, walaupun beri sandaran contohnya RM50,000 sebagai pinjaman.

“Dividen diberi sepenuhnya mengikut kumpulan asal dan tidak dipotong, maka KWSP berasakan dalam beberapa tahun pulangan dapat diperolehi.

“Kalau sejumlah kecil yang gagal membayar tidak memberi kesan parah kerana jumlah induk dan dividen sudah ditambah, jadi kalau berlaku potongan mungkin dari sudut dividen.

“Risiko itu sangat minimum,” katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Muslimin Yahaya (PN-Singai Besar) berhubung pandangan pinjaman dengan sandaran KWSP melanggar Seksyen 51 Akta KWSP.

Anwar berkata, ada beberapa pihak memberi pandangan berhubung kaedah sandaran itu, selain pertemuan dengan KWSP dan timbalan menteri secara berasingan.

Menerusi sesi itu, beliau menjelaskan KWSP bukan satu-satunya tindakan untuk membantu meringankan beban ditanggung.

Katanya, kerajaan berharap rakyat faham mengenai keterbata-

san KWSP yang terikat kerana ia bukan agensi pinjaman seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA).

“Saya terangkan umpamanya perbezaan golongan pekerja dengan pekebun dan nelayan yang kita bantu secara berasingan bagi mengurangkan beban mereka dan bantuan penjawat awam pula kita ambil langkah lain.

“Jangan anggap KWSP sebagai satu-satunya kaedah bagi meringankan beban mereka.

“Saya harap mereka faham ada keterbatasan, saya boleh setuju tetapi bimbang empat atau lima tahun akan datang, dengan RM4,000 atau RM10,000 masa depan mereka tentunya sukar, itu sebabnya kita ambil keputusan sedemikian,” katanya.

Beliau berkata, KWSP melalui akadnya adalah simpanan untuk hari tua, malah ada fatwa dalam hal ini yang menjelaskan wang simpanan berkenaan tidak dikenakan cukai.

Terdahulu, Hassan Karim (PH-Pasir Gudang) dalam soalan tambahan, bertanyakan maklum balas diterima kerajaan daripada pekerja mengenai cadangan berkenaan.

Dalam sesi penggulungan usul Belanjawan 2023 pada 9 Mac lalu, Anwar mencadangkan kaedah yang membolehkan pencarum KWSP menggunakan wang caruman di agensi itu sebagai sandaran kepada bank bagi tujuan

pembiayaan kewangan.

Sementara itu, Anwar menyarankan pencarum KWSP menggunakan kaedah pinjaman Islam berbanding konvensional dalam menggunakan simpanan sebagai sandaran bank.

Katanya, kadar faedah melalui pinjaman Islam adalah minimum dan sewajarnya lebih rendah berbanding pinjaman pasaran.

“Kita mengenakan kadar instrumen kewangan Islam, jadi dengan kos perkhidmatan minimum, tetapi tidak mengukur dari segi faedah bank konvensional.

“KWSP memilih untuk meminta ahli menggunakan kaedah pinjaman Islam dengan kadar faedah paling minimum yang tentunya lebih rendah daripada kadar di pasaran.

“Walaupun begitu, kita tidak menghalang jika ada ahli (KWSP) Islam atau bukan Islam yang memilih meminjam mengikut bank konvensional,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Muslimin Yahaya (PN-Sungai Besar) mengenai justifikasi cadangan kepada pencarum supaya membuat pinjaman bank dengan cagaran wang KWSP dan kadar faedah yang akan dikenakan.

Anwar menjelaskan, akaun dua KWSP masih boleh dimanfaatkan bagi tujuan seperti pinjaman pendidikan, haji dan perubatan.